# MESYUARAT AGUNG

## KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD KALI PERTAMA (1)

# 2023

25 Jun 2023 | Ahad

2:30 petang

Dewan Bina Daulah
Wisma MPM, Jalan Ledang,
Kuala Lumpur





www.wcbmalaysia.com

# ISI KANDUNGAN


| Perkara | Muka surat |
|---|---|
| Muka surat | 2 |
| Aturcara Majlis | 3 |
| Lagu Negaraku | 4 |
| Lagu Koperasi | 5 |
| Sijil Penubuhan | 6 |
| Visi & Misi WCB | 7 |
| Anggota Lembaga Koperasi | 8 |
| Ucapan Pengerusi Koperasi Sempena MAT Pertama (1) | 9 |
| Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 11 |
| Minit Mesyuarat Agung Permulaan (MAP) | 12 |
| Laporan Bergambar Aktiviti WCB | 17 |
| Laporan Audit | 22 |
| Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit Bagi Tahun 2022 | 28 |
| Belanjawan 2023 | 56 |
| Senarai Anggota Yang Layak Ke MAT | 58 |

# ATURCARA
# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
# KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD - WCB
# PERTAMA (1) 2023

| | |
|---|---|
| 2:30 petang | Pendaftaran Perwakilan |
| 3:00 petang | PENDAFTARAN PERWAKILAN<br>UCAPAN PENGERUSI MAJLIS<br>NYANYIAN LAGU NEGARAKU<br>BACAAN DOA<br>UCAPAN PENGERUSI WCB - **YBHG DATO NAZILAH BT IDRIS**<br>MESYUARAT AGUNG PERTAMA(1)2023<br>AGENDA:<br>1) PERLANTIKAN PENGERUSI MESYUARAT<br>- MELANTIK 2 ORANG PENCATIT MINIT<br>2) MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERMULAAN 2022<br>3) PERGANTUNGAN DATIN NORLI ALIAS SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI & PERLUCUTAN JAWATAN SEBAGAI PENGERUSI WCB<br>4) MEMBENTANGKAN & MENERIMA LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI<br>5) MEMBENTANGKAN & MENERIMA LAPORAN AUDIT<br>6) MEMBENTANGKAN & MENERIMA PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022<br>7) MENIMBANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGKAN PEMBERIAN DIVIDEN<br>8) MELANTIK JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT MAT<br>9) MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN ELAUN DAN MANFAAT YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN JAWANTANKUASA<br>10) MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2023<br>11) MELANTIK DUA(2)ORANG ANGGOTA LEMBAGA YANG TELAH GUGUR MENGIKUT GILIRAN<br>12) MEMILIH PANEL JURUAUDIR LUAR BAGI TAHUN 2023<br>13) MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGAN SKOP DAN HAD PELABURAN<br>14) MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGAN HAD MAKSIMUM KEBERHUTANGAN<br>15) MELULUSKAN USUL YANG DIKEMUKAN ANGGOTA DAN PEMBENTANGAN ATURAN PEMULA PROJEK<br>PENGENALAN LOGO BAHARU<br>PENANGGUHAN MESYUARAT<br>SESI BERGAMBAR<br>MINUM PETANG |

# LAGU NEGARAKU



Negaraku
Tanah Tumpahnya Darahku,
Rakyat Hidup,
Bersatu Dan Maju,

Rahmat Bahagia,
Tuhan Kurniakan,
Raja Kita
Selamat Bertakhta,

Rahmat Bahagia,
Tuhan Kurniakan
Raja Kita
Selamat Bertakhta

# LAGU KOPERASI

Tubuhnya mekar tersurat sudah
Pencetus amanah terbitan bangsa
Jatuh bangun generasi bertuah
Menongkah arus cabaran dunia
Ekonomi mampan milik semua
Kecil dan besar hendak berjaya
Semangat kental tak pernah padam
Diasuh dibimbing siang dan malam

Korus:
Koperasi seiring aspirasi negara
Matlamat terpuji meliputi segala
Segenap insan sedia terbela
Menggarap kejayaan di bumi Malaysia

Tingkatkan perkhidmatan untuk berjaya
Terapkan nilai selaras dasar semasa
Prinsip dan falsafah koperasi difahami
Itulah kunci kecemerlangan koperasi

Ulang korus:

# SIJIL PENUBUHAN



SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

**PERAKUAN PENDAFTARAN KOPERASI**

*Adalah dengan ini diperakukan bahawa*

**KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD**

*dan undang-undang kecilnya telah didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Koperasi 1993.*

*Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini*

***dua puluh dua** haribulan **Februari** tahun **dua ribu dua puluh dua.***

| | |
|---|---|
| **(HAJI ZAZALI BIN HARON)** | **(ZAINUDDIN BIN MOHD ALI)** |
| ***Pengerusi Eksekutif*** | ***Setiausaha*** |
| ***Suruhanjaya Koperasi Malaysia*** | ***Suruhanjaya Koperasi Malaysia*** |

*No. Daftar:* ***202271601168***
*Ruj:* ***SKM.IP.(PEND)W-1308/(1)***

# VISI & MISI WCB




## VISI

- Menjadi sebuah koperasi kredit terunggul khas untuk wanita Malaysia
- Mempromosikan koperasi sebagai gaya hidup dan bertindak sebagai pemangkin ekonomi wanita

## MISI

- Memperkasa Wanita Malaysia dengan sifat keusahawanan mampan, modal insan yang berketerampilan serta melaksanakan tadbir urus yang patuh syariah, telus, tulus dan teliti



## DAFTAR SEBAGAI AHLI KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD (WCB) HARI INI!



### NIKMATI

- Servis pinjaman mikro
- Ar-RahNITA
- Beli dan jual emas
- Servis pembangunan produk
- Pembangunan usahawan tempatan dan antarabangsa

Daftar sekarang di www.wcbmalaysia.com atau WhatsApp ke +6011 2505 5873

# ANGGOTA LEMBAGA
# KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD



**Dato Nazilah Bt Idris**
Pengerusi



**Dato Faridah Bt A. Jabbar**
Setiausaha



**Dato Normala Bt Kahar**
Bendahari



**Datin Norzihan Bt Ahmad**
Ahli Lembaga



**Dato Wan Suraya Bt Wan Mohd Radzi**
Ahli Lembaga

# UCAPAN PENGERUSI
# KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
# SEMPENA MESYUARAT AGUNG
# TAHUNAN KALI PERTAMA (1) 2023

Assalamualaikum wbt
Bismillahirahmanirahim

Jika hendak menjerat rusa
Pastikan tali erat simpulnya
Jika hendak menabur jasa
Pastikan niat di hati seikhlas adanya

Assalamualaikum wbt, saya nak mengalu-alukan kehadiran semua anggota ke Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama Koperasi Wanita Malayia Berhad (WCB).

Jutaan terima kasih kepada gabungan mantap semua Ahli Lembaga Koperasi yang telah dilantik semasa Mesyuarat Agung Permulaan, walaupun asalnya 6 orang ALK dan sekarang hanya ada 4 orang. Tapi bak kata pepatah, patah sayap bertongkatkan paruh, sekuat mana angin menerpa, namun tidak kan jatuh walau sehelai bulu.

Dikesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Datin Norli Bt Hj Alias dan YBhg. Dato Wan Suraya bt Wan Radzi atas jasa baik yang telah ditunjukkan dari sebelum penubuhan hingga ke peringkat permulaan perjalanan WCB, hanya Allah yang mampu membalas dengan sejuta kebaikkan dan kebahagian dunia akhirat. Sesungguhnya sepotong ayat Al Quran membawa maksud yang tepat kepada setiap sesuatu yang terjadi adalah atas kehendakNya, Wamakaru wamakarallah Wallah hukhairun Makirin, kita merancang, Allah juga merancang, sesungguhnya perancangan Allah adalah yang terbaik. Wallahualam.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih atas jasa dan kerja kuat semua Ahli Jawatankuasa yang dilantik iaitu dari Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan dan Jawatankuasa Projek Khas. Jutaan terima kasih juga kepada staf pengurusan WCB yang bekerja tanpa mengira masa dan sama nilai kan dengan elaun saguhati yang diberi.

Dari Wanita Untuk Wanita, tagline keramat yang membawa sebuah agenda perjuangan untuk wanita, direalisasikan dalam bentuk hala tuju dan matlamat utama untuk mencetuskan dan membina BANK KOPERASI WANITA MALAYSIA yang pertama atau WOMEN COOP BANK BERHAD. Koperasi Wanita Malaysia Berhad (WCB) sebuah koperasi yang ditubuhkan pada 22 Februari 2022 dan dirasmikan pada 24 Mac 2023 oleh YBhg Tan Sri Noh Omar.

Kami sebagai pasukan wanita peneraju amanah ini bertungkus lumus berusaha sekuat mungkin merangka pelan perancangan strategik, membangunkan perniagaan yang memfokuskan aktiviti MIKRO KREDIT dan berteraskan 5 aktiviti perniagaan seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Kecil Koperasi, merancang strategi perkembangan koperasi dari segi pembanguanan aset fizikal dan juga modal insan bagi menambah jumlah rangkaian anggota seluruh negara yang mensasarkan 15.9 juta wanita dalam Negara akan menjadi anggota WCB dan membentuk pasukan kerja yang padu, agresif, progresif dan dinamik.

Seperti yang tercatat dalam buku laporan tahunan jelas menjunjukkan bahawa koperasi ini baru berumur setahun jagung. Walaubagaimana pun beberapa pencapaian dapat kita laksanakan iaitu memperkukuhkan struktur organisasi, struktur pentadbiran dan pengurusan, dan berita baiknya WCB telah diluluskan menjadi anggota ANGKASA dan juga KOPSYA.

Alhamdulillah WCB telah diluluskan untuk diberi Kod BPA oleh ANGKASA bagi membolehkan aktiviti Mikro Kredit dilaksanakan. Pihak Jawatankuasa Projek Khas sedang mengusahakan kemasukan dana khas untuk kemudahan pinjaman oleh anggota dan juga menjalankan perniagaan lain. Saya mengalu-alukan juga tambahan syer oleh anggota bagi melonjakkan semua jenis perniagaan yang dirancang.

Pelan strategik 5 tahun akan memperkenalkan dalam pasaran branding baru iaitu WANITA PAY, GRAB GOLD dan KAKLONG4U. Semua ini akan menjadi projek khas yang akan memberi pulangan keuntungan yang tinggi. Selepas MAT ini, kita akan mohon Tabung Modal Permulaan TMP dengan SKM sebagai suntikan dana melaksanakan projek ini. Dalam jangkamasa 5 tahun lagi insyaAllah dividen akan lebih meningkat berbanding tahun 2022 sebanyak 10% yang telah dipersetujui dalam mesyuarat ALK dan akan di sahkan oleh anggota yang hadir dalam MAT kali ini. Kadar dividen ini diumumkan bagi merangsang dan menarik minat lebih ramai wanita diluar sana untuk menyertai WCB.

Saya sebagai Pengerusi yang dilantik Oleh Ahli Lembaga Koperasi dalam Mesyuarat ALK kali ke 10. Saya cuba menjalankan amanah sebaik mungkin, tapi apakan daya saya juga ada banyak kelemahan dan kekurangan yang perlu ditegur oleh anggota dan semua pihak bagi tujuan kebaikkan masa depan WCB. Saya menghulurkan kedua belah tangan mohon ampun dan maaf atas salah silap. Tapi saya juga mempunyai semangat jitu yang kuat untuk bekerja keras membangunkan WCB hingga dapat mencapai halatuju dan matlamat asal penubuhan. Namun, semua pihak perlu bersatu menggembeleng tenaga dan idea demi menjayakan mengangkat agenda Dari Wanita Untuk Wanita.

Selamat maju jaya dan selamat bersidang dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali pertama WCB. Sesungguhnya yang baik dari Allah SWT dan yang tidak baik semuanya dari saya dan dengan ini diakhiri dengan juga pantun.

Walau pasir berubah
Pantai tetap disitu
Walau pemimpin berubah
WCB tetap disitu dan jitu

Wabillahi taufik wahidayah wasalamualaikum wbt.

**DATO NAZILAH HJ. IDRIS**
**Pengerusi,**
**Koperasi Wanita Malaysia Berhad**

# NOTIS MESYUARAT AGUNG

**KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD (WCB)**

Pejabat Pendaftaran : Wisma MPM, JKR 371-4, Jalan Ledang, Taman Duta, 50480, Kuala Lumpur
Pejabat Operasi : Tingkat 6, Bangunan Kumpulan Muara, Seksyen 14, 4000 Shah Alam, Selangor
Tel: +6011-14877909/+6016- 3324400 Email:office@wcbmalaysia.com.. Website: http://wcbmalaysia

**Ruj : WCB/MAT/6-2023**
**Tarikh : 10/06/2023**

Kepada,
AHLI LEMBAGA KOPERASI
PERWAKILAN

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERTAMA(1) 2023**
**KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD – WCB**

Adalah dengan segala hormatnya, dimaklumkan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama(1)2023, Koperasi Wanita Berhad - KWB akan diadakan seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : **25hb JUN, 2023 - AHAD**
Masa : **3.00 PETANG HINGGA 5.00 PETANG**
Tempat : **DEWAN BINA DAULAH, WISMA MPM, JALAN LEDANG, KUALA LUMPUR**
Agenda :

- **PERLANTIKAN PENGERUSI MESYUARAT**
- **MELANTIK 2 ORANG PENCATIT MINIT**
- **MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERMULAAN 2022**
- **PERGANTUNGAN DATIN NORLI ALIAS SEBAGAI AHLI LEMBAGA KOPERASI WCB**
- **MEMBENTANGKAN & MENERIMA LAPORAN AHLI LEMBAGA KOPERASI**
- **MEMBENTANGKAN & MENERIMA LAPORAN AUDIT**
- **MEMBENTANGKAN & MENERIMA PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BERAKHIR TAHUN 2022**
- **MENIMBANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGKAN PEMBERIAN DIVIDEN**
- **MELANTIK JAWATANKUASA PENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**
- **MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN ELAUN DAN MANFAAT YANG KAN DIBERIKAN KEPADA AHLI LEMBAGA KOPERASI DAN ANGGOTA PENTADBIRAN**
- **MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2023**
- **MELANTIK DUA(2)ORANG AHLI LEMBAGA YANG TELAH UNDUR MENGIKUT GILIRAN**
- **MEMILIH PANEL JURUAUDIR LUAR BAGI TAHUN 2023**
- **MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGAN SKOP DAN HAD PELABURAN**
- **MEMBENTANGKAN DAN MELULUSKAN CADANGAN HAD MAKSIMUM KEBERHUTANGAN**
- **MENERIMA PANDANGAN DAN MEMUTUSKAN APA JUGA USUL UNTUK SUSULAN DAN KEPUTUSAN**
- **UCAPAN PENANGGUHAN**
- **PENANGGUHAN MESYUARAT**

Sehubungan dengan itu di harapkan semua Ahli Lembaga Koperasi serta Para Perwakilan dimohon menghadirkan diri ½ jam lebih awal untuk pendaftaran serta memberi komitmen demi mencapai matlamat dan hala tuju. Jika sebarang pertanyaan boleh hubungi - 60 16-322 4400

Sekian, Terima Kasih.

Yang Menjalankan Tugas

Setiausaha
Koperasi Wanita Malaysia Berhad

# MINIT MESYUARAT AGONG PERMULAAN (MAP)

1. Mesyuarat kerana menubuhkan koperasi yang dinamakan KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD (WCB) telah diadakan Tiga Belas haribulan Februari dua puluh ribu dua puluh dua - 13/02/2022 mulai jam 11.15 pagi bertempat di Wisma MPM, Jalan Ledang, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

2. Hadir dalam mesyuarat agung permulaan ini ialah seramai 58 orang bakal anggota dan turut hadir dari Suruhanjaya Pemulaan Koperasi adalah (1) Tuan Ammar (2) Sdri Nurul

3. Majlis telah dipengerusikan dan pembaca doa oleh penganjur mesyuarat Encik Khairil Khairuzan Mohd Radzi (Wakil Pengerusi Penaja).

4. Keputusan mesyuarat:-

**4.1 Pelantikan Pengerusi Mesyuarat**

Datin Norlaili Binti Alias telah dilantik dengan sebulat suara untuk mempengerusikan mesyuarat ini atas cadangan Puan Mazni Zuriyaty Mansor yang disokong oleh Puan Norizalina binti Azhar.

**4.2 Persetujuan Menubuhkan Koperasi**

Tujuan koperasi ini ditubuhkan dan aktiviti-aktiviti yang boleh dikendalikan olehnya telah diterangkan kepada mesyuarat oleh Datin Norlaili binti Alias  Ikutan dari itu atas cadangan Dato Nazilah binti Idris yang disokong oleh Dato Seri Dr Shamsiah binti Ismail bersetuju dengan sebulat suara menubuhkan sebuah koperasi dengan tanggungan berhad yang dinamakan KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD.

**4.3 Permohonan Bagi Didaftarkan Sebagai Koperasi**

Atas cadangan Pn Adura binti Saad yang disokong oleh Dato Seri Shamsiah bt Ismail bersetuju sebulat suara membuat permohonan kepada Suruhanjaya bagi didaftarkan Koperasi ini dan Undang-undang Kecilnya.

**4.4 Penerimaan Undang-undang Kecil Koperasi**

Undang-undang Kecil Koperasi yang dicadangkan untuk dipakai bagi Koperasi ini sebagaimana yang telah dikelilingkan kepada bakal-bakal anggota telah diterangkan oleh Datin Norlaili binti Alias dan atas cadangan Pn Normazlina binti Abd Hamid yang disokong oleh Pn Shamsinar Abd Sarhadat bersetuju sebulat suara menerima Undang-undang Kecil itu dengan segala hak, kewajipan dan liability sebagaimana diperuntukkan di dalamnya.

**4.5 Pemilihan**

(i) Anggota Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memilih nama nama berikut menganggotai Lembaga Koperasi ini dan memberi kuasa menandatangani permohonan untuk mendaftarkan KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD dan Undang-undang Kecilnya:

(ii) Pemilihan Anggota Yang Akan Turut Sama Menandatangani Permohonan Pendaftaran (sekiranya bilangan anggota Lembaga kurang dari 10 orang)

| BIL | NAMA ANGOTA | NAMA PENCADANG | NAMA PENYOKONG |
|---|---|---|---|
| 1 | Datin Norlaili binti Alias | Pn Rozilawati bt Ibrahim | Pn Laili bt Mujir |
| 2 | Dato Nazilah binti Idris | Datin Norlaili binti Alias | Pn Shamsinar Abd Sarhadat |
| 3 | Datin Norzihan binti Ahmad | Pn Norhasimah bt Mohamad | Pn Mazni Zuriati binti Mansor |
| 4 | Dato Normala binti A.Kahar | Pn Laila binti Mujir | Pn Nur Ashikin binti Gandah |
| 5 | Dato Faridah bt A.Jabbar | Pn Noralizar bt Ahmad Jais | Pn Roziah binti Mohd Darlis |
| 6 | Datuk Wan Suraya bt Radzi | Dato Faridah bt A.Jabbar | Pn Shamsiah binti Ismail |
| | | | |

Ahli Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju kesemua Ahli Lembaga Koperasi untuk turut sama dengan anggota Lembaga bagi menandatangani permohonan untuk mendaftarkan KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD dan Undang-undang Kecilnya:

**4.6 Menimbang dan Meluluskan Belanjawan Tahunan Koperasi**
Bagi tujuan melicinkan pengurusan dan pentadbiran koperasi ini, atas cadangan Puan A.Suraya binti Ahmad Salleh dan disokong oleh Puan Noor Shuda binti Daros mesyuarat bersetuju meluluskan belanjawan berjumlah **RM102,400.00** seperti di lampiran.

**4.7 Meluluskan elaun yang diberikan kepada anggota Lembaga dan saraan yang dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiarinya, jika ada.**
Atas cadangan Puan A.Suraya binti Ahmad Salleh disokong oleh Muhammad Amir Hakimi bin Azmi mesyuarat bersetuju meluluskan elaun kepada anggota Lembaga sebanyak **RM32,000.00** dan saraan yang dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari sebanyak RM(tidak berkenaan)

**4.8 Meluluskan pelantikan suatu panel yang tidak kurang daripada dua orang Juruaudit, yang merupakan Juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Koperasi.**
Atas cadangan Puan Shamsinar binti Abd Sarhadat yang disokong oleh Cik Siti Marina binti Mansor bersetuju sebulat suara meluluskan suatu panel Juruaudit seperti berikut:
i) Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
ii) Memberi mandate kepada ALK untuk membuat pilihan

**4.9 Menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh kumpulan wang lebihan koperasi**
Atas cadangan Puan A.Suraya binti Ahmad Salleh yang disokong oleh Pn Salmah binti Ismail mesyuarat bersetuju meluluskan had pelaburan yang dibiayai oleh kumpulan wang lebihan koperasi ini sebanyak **RM 500 000 juta**

**4.10 Menentukan had maksimum keterhutangan koperasi**
Atas cadangan Puan Shamsinar binti Abdul Sarhadat yang disokong oleh Puan Abby a/p Kuppusamy, mesyuarat bersetuju meluluskan had maksimum keterhutangan koperasi sebanyak **RM 500 juta**.

Mesyuarat ditamatkan jam 01.11 petang

**TANDATANGAN BAKAL-BAKAL ANGGOTA**

BAHAWASANYA kami yang bertandatangan di bawah ini mengakui bahawa kami adalah bakal-bakal anggota Koperasi ..WANITA MALAYSIA.......... Berhad yang berkelayakan sebagaimana disyaratkan di bawah Undang-undang Kecilnya dan kami mengakui menerima segala hak, liabiliti dan kewajipan kami sebagaimana diperuntukkan di bawah Undang-undang Kecil itu dan menerima segala ketetapan yang telah diambil dalam mesyuarat agung.

| BIL. | NAMA PENUH | NO. KAD PENGENALAN | NO TEL | TANDATANGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | AZILARINA BT. MOHMED JOHARI | 780902-10-5718 | 0122974287 | |
| 2. | NORAAIZAN BINTI HASHIM | 781019-08-6364 | 019-2890307 | |
| 3. | SITI MARINA BT MAMOR | 770301036172 | 019-3644944 | |
| 4. | RUMLAH MOHAMAD | 510707-03-5226 | 012-2270177 | |
| 5. | Norma Muhamed | 620101-03-5198 | 012-6659372 | |
| 6. | ROSMAWATI BINTI AHMAD | 781013-06-5554 | 019-3696868 | |
| 7. | LAILA BINTI MUJIR | 601003-10-6884 | 012-3267003 | |
| 8. | CHE WAN ROHASPARIDA BINTI CHE WAN MANSOR | 780203055272 | 019-3302970 | |
| 9. | NORIZALINA BINTI AZHAR | 771218-02-5434 | 019-2712424 | |
| 10. | ZAINORPATONAH BT ZAINUDIN | 880124145120 | 0126449015 | |
| 11. | MARIAM BINTI YUSUF ABDULLAH | 630502135076 | 0192464817 | |
| 12. | ADURA BINTI SAAD | 730202025666 | 01159813717 | |
| 13. | SALWANI ISMAIL | 690301-03-5428 | 0173955242 | |
| 14. | ROZIAH MOHD DARLIS | 730427145554 | 01164382739 | |
| 15. | Niena fadzihasnah mohd fadzi | 931203-06-5070 | 0143240101 | |
| 16. | KIAH ABDUL RAZAK | 540730045364 | 0133306999 | |
| 17. | NURHAIDAH BINTI SAMLEE | 720106-10-5480 | 0195047327 | |
| 18. | SELINA BT ABBAS | 640914 07 5320 | 0123160055 | |
| 19. | Maini Zuriyany Mansor | 760811 08 6496 | 0106656795 | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 20. | A. Suraya Ahmad Salleh | 680722-01-6850 | 0196406555 | |
| 21 | Salmah Ismail | 660808-04-5142 | 0107960765 | |
| 22 | SHARIFAH SHAFARINA BT SYED MAHAZAR | 870831-43-5400 | 0192352091 | |
| 23 | NORSHAHIZAH BINTI AB. KADIR | 830624-03-5934 | 0113351897 | |
| 24 | SHAMSIAH BT ISMAIL | 610711-035292 | 0162174769 | |
| 25 | INTAN NUR DIYANA BT MOHD RIMI | 001221 14 11[illegible] | 0111235951 | |
| 26 | WAN SALMIZA BINTI WAN SALIM | 790928-06-5012 | 016-6322522 | |
| 27 | NORMAZLINA BINTI ABDUL HAMID | 810908-10-5406 | 012 6056203 | |
| 28 | NOORSHUHADA BINTI DAROS | 740802-01-5954 | 017 3967399 | |
| 29 | JULIA BINTI MOHD ALI | 750810-10-5086 | 019-2202808 | |
| 30 | ROZILAWATI BINTI IBRAHIM | 701125-06-5388 | 019-2816970 | |
| 31 | FAZULIANA WARI DALI | 710309-08-5302 | 016-360-3929 | |
| 32 | ~~NUR NATASHA BELLINDA BT MOHD RIDZAL~~ | [illegible] | 017-2532434 | |
| 33 | DAYANG NORMALA BT AWANG TAMBI | 600103-13-5776 | 0116208 1984 | |
| 34 | NURSARA ELYAS OMAR | 010710-13-0504 | 01162481989 | |
| 35 | Nursiddah Binti Ahmad Nadzi | 771105-10-5062 | 0182026219 | |
| 36 | NORHANA BINTI MAJID | 771205-05-5634 | 019-3742278 | |
| 37 | Norlesmah Mohamed | 680819-10-6168 | 0125766895 | |
| 38 | NUR ASHIKHIN BINTI GONDAH | 880906 495256 | 0149691446 | |
| 39 | ZAINAB HARUN | 580429-025790 | 012-2573385 | |
| 40 | ZAINUN ABDULLAH | 631028-10-6036 | 011-59732429 | |
| 41 | CUT JULI DEVIANTY | 0146491978 | B6833659 | |
| 42 | NORMALA BINTI A. KAHAR | 630608-02-5932 | 0122963811 | |
| 43 | FARIDAH BINTI A. JABBAR | 561016-01-5566 | 0137776990 | |
| 44 | NAZILAH BT IDRIS | 721103-06-5158 | 0163224400 | |
| 45 | NORLAILI BINTI ALIAS | 730312-14-5618 | 0135303352 | |

| | NAMA | IC | H/P | SIGN |
|---|---|---|---|---|
| 46 | DR SHARIFAH MAZLINA BINTI SYED ABDUL KADIR | 650523-10-6774 | 012-3160985 | |
| 47 | ROSHIDAH BINTI ABDUL HALIM | 691208105684 | 0196490369 | |
| 48 | ZAINAH BINTI AHMAD | 760516105228 | 0193784828 | |
| 49 | SITI ZABIDAH OTHMAN | 691125-06-5798 | 013,2738393 | |
| 50 | KASIMAH ABDUL AZIZ | 661202085734 | 0193419504 | |
| 51 | Shahailah Abdul Rahman | 780914-04-5306 | 012 2265149 | |
| 52 | Siti Afifah Shahbudin | 751009145562 | 0192235797 | |
| 53 | ILI NABILAH BINTI MOHD SALEH | 910924 105906 | 0132823424 | |
| 54 | ASPARADEBA BINTI AHMAD | 680520106274 | 0193827831 | |
| 55 | Noraitan Ahmad | 680504015858 | 0193553997 | |
| 56 | Dolah Lam Suraya | 690501-10-5144 | 0196008554 | |
| 57 | SHAMSINAR ABDUL SARHADAT | 570624-105722 | 019-2235609 | |
| 58 | ~~NOORSHUHADA BT DAROS~~ | ~~740802-01-5954~~ | ~~0173967399~~ | |
| 59 | Abby a/p Kuppusamy | 751225-08-6384 | 010-2117533 | |
| 60 | | | | |
| 61 | | | | |
| 62 | | | | |
| 63 | | | | |
| 64 | | | | |
| 65 | | | | |
| 67 | | | | |
| 68 | | | | |
| 69 | | | | |
| 70 | | | | |
| 71 | | | | |
| 72 | | | | |

# LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI WCB



Selamat Datang










MAJLIS PERUNDINGAN MELAYU
(MALAY CONSULTATIVE COUNCIL)









TSNO


TSNO




DEWAN
TUN ABDUL RAZAK
MAJLIS PELANCARAN KOPERASI WANITA
MALAYSIA BERHAD
DEWAN TUN ABDUL RAZAK, ARAS 2
MENARA KEMBAR BANK RAKYAT
23 MAC 2022














PELANCARAN
& PERASMIAN
COOP COMMUNITY MART
15 APRIL 2022 | DEWAN SERI














angkasa


TAKLIMAT
PENGGALAKKA
KOPERA








KOPERASI WARGA HURAH SELANGOR BHD
KOPERASI WANITA MALAYSIA BHD
coop








KONVENITA
EXPO & KONVENSYEN USAHANITA
NEGERI SELANGOR
2023












REDMI NOTE 10 PRO
REDMI NOTE 10 PRO
19/05/2023 10:10











# LAPORAN AUDIT

| | | |
|---|---|---|
| **KEPADA** | **:** | **AHLI LEMBAGA & ANGGOTA KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD** |
| **TAJUK** | **:** | **LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) BAGI TUJUAN PEMBENTANGAN DALAM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD (BIL 01/2023) PADA 25 JUN 2023.** |
| **TARIKH** | **:** | **3 APRIL 2023** |

| | |
|---|---|
| **UNTUK KELULUSAN** *(for Approval)* | |
| **UNTUK PENGESAHAN** *(for Ratification)* | |
| **UNTUK PERBINCANGAN / PEMAKLUMAN** *(for Discussion / Notification)* | √ |

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli Lembaga dan Anggota Koperasi Wanita Malaysia Berhad yang dihormati sekalian,

## 1. PENDAHULUAN / LATAR BELAKANG

Perlantikan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) adalah selaras dengan Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Wanita Malaysia Berhad (Koperasi) yang memperuntukan Koperasi ini diaudit setiap suku tahunan bagi menjamin ketelusan dalam pelaporan berkenaan pengurusan dan hal ehwal Koperasi.

Kerja-kerja Pengauditan Dalaman ke atas Koperasi telah dijalankan oleh JAD berdasarkan kuasa-kuasa, kewajipan dan tugas-tugas yang diperuntukan di dalam Akta dan Undang-Undang Kecil.

Dalam menjalankan Pengauditan Dalaman, JAD adalah bebas dan berasingan daripada ALK dan telah memenuhi dan melaksanakan tanggungjawab dan etika yang sewajarnya menurut peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi.

## 2. LAPORAN PENEMUAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Skop Pengauditan Dalaman JAD pada tahun ini adalah ke atas rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi sejak dari penubuhannya pada 22 Februari 2022 sehingga 31 Mac 2023 (Tempoh Audit).

Sepanjang proses Pengauditan Dalaman ini, JAD menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan professional dalam membaca dan meneliti kandungan dokumen-dukumen yang dikemukakan oleh pihak pengurusan dan keterangan daripada temubual yang dijalankan terhadap beberapa individu yang berkaitan.

Berikut adalah hasil penemuan kerja-kerja Pengauditan Dalaman bagi Tempoh Audit di atas berserta ulasan dan saranan yang berkaitan dengannya:

| SKOP AUDIT | 1. TADBIR URUS KOPERASI |
|---|---|
| **PENEMUAN** | 1.1 Terdapat keliruan yang serius dalam kefahaman berkenaan tadbir urus koperasi di kalangan ALK dan juga pihak pengurusan khasnya berkaitan peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi.<br><br>1.2 Terdapat kekhilafan dalam perlantikan Mantan Pengerusi Koperasi sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi. Mengikut Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi, seharusnya Pengerusi Koperasi tidak memegang apa-apa jawatan Eksekutif dalam Koperasi bagi mengelakkan konflik kepentingan. Oleh yang demikian, Mantan Pengerusi perlu melepaskan salah satu jawatan tersebut.<br><br>1.3 Tiada kakitangan diperingkat pengurusan yang dilantik bagi membantu, memudahcara dan melaksanakan keputusan Mesyuarat ALK dan urusan kerja yang berkaitan.<br><br>1.4 Terdapat kelemahan dalam hal-hal berkaitan proses dan system simpanan rekod-rekod dan asset milik Koperasi di mana ada beberapa dokumen penting dan asset Koperasi didapati masih berada dalam simpanan pihak ketiga.<br><br>1.5 Terdapat aktiviti berkaitan perniagaan Retort yang dijalankan (atau akan dijalankan) oleh Koperasi yang dilihat tiada bersangkutan dengan fungsi dan aktiviti Koperasi yang telah disenaraikan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi. |
| **ULASAN / SARANAN** | 1.6 ALK telah dimaklumkan dan dilihat telah mengambil tindakan yang sewajarnya dan melaksankan langkah-langkah pembetulan khasnya berkaitan perkara 1.2 dan 1.4 di atas.<br><br>1.7 ALK disarankan agar mengambil tindakan serius bagi memperoleh semula segala dokumen berkaitan penubuhan koperasi seperti sijil asal pendaftaran Koperasi (yang hanya dikeluarkan oleh SKM sekali sahaja) dan peralatan seperti beberapa unit terminal pembayaran kad, mold emas dan asset-aset lain milik Koperasi yang masih berada dalam simpanan pihak ketiga ini.<br><br>JAD juga dimaklumkan bahawa ada beberapa item di atas berada dalam simpanan Mantan Pengerusi. Setakat hari ini, item-item ini masih belum diserahkan kepada pihak pengurusan Koperasi walaupun permintaan ke atasnya telah dimaklumkan kepada Mantan Pengerusi berkali-kali secara rasmi dan tidak rasmi.<br><br>1.8 Bagi memperkasakan kefahaman dan pengetahuan tadbir urus koperasi, ALK disarankan agar menghadiri Kursus Wajib Koperasi dan turut menggalakkan Anggota Koperasi untuk |

| | |
|---|---|
| | menghadiri kursus tersebut sebagai inisiatif Koperasi terhadap pembangunan dan pendidikan di kalangan Anggota Koperasi. |

| SKOP AUDIT | 2. AKTIVITI PENGURUSAN |
|---|---|
| **PENEMUAN** | 2.1 Setakat ini Koperasi Wanita Malaysia Berhad hanya mempunyai 2 kakitangan pengurusan yang mana mereka ini hanya dibayar elaun bekerja memandangkan Koperasi masih menghadapi kekangan kewangan dan dana operasi.<br><br>2.2 Aktiviti Pemasaran pula dilaksanakan dengan menggunakan khidmat agensi luar (outsourcing). |
| **ULASAN / SARANAN** | 2.3 Pihak Koperasi Wanita Malaysia Berhad dilihat perlu berani mencari rakan strategik dan pelabur supaya Koperasi mempunyai dana yang mencukupi untuk tujuan operasi seperti menambah kakitangan yang perlu dan bagi menjalankan aktiviti perniagaan Koperasi.<br><br>2.4 Pendekatan 'Outsourcing' kepada agensi luar dilihat sebagai salah satu langkah jimat-cermat dan selamat bagi Koperasi dan perlu dioptimumkan lagi perlaksanaannya memandangkan Koperasi masih belum mempunyai dana yang cukup buat masa ini. |

| SKOP AUDIT | 3. KEANGGOTAAN KOPERASI |
|---|---|
| **PENEMUAN** | 3.1 Permohonan untuk menjadi Anggota Koperasi yang telah diterima adalah seramai 942 orang sejak pelancaran Koperasi.<br><br>Namun sehingga Mac 2023 hanya lebih kurang 120 orang sahaja yang telah melengkapkan pembayaran saham minima sebanyak RM100, yang melayakkan mereka mendapat hak-hak sebagai Anggota Koperasi di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi.<br><br>3.2 Yuran bulanan sebanyak RM30 yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi juga masih belum pernah dikutip oleh pihak pengurusan Koperasi daripada Anggota Koperasi yang telah berdaftar. |
| **ULASAN / SARANAN** | 3.3 ALK dan pihak pengurusan perlu giatkan usaha memberi kesedaran dan pemahaman kepada Anggota Koperasi berkenaan hak dan tanggungjawab mereka khasnya tanggungjawab pembayaran saham dan yuran bulanan Koperasi bagi membolehkan mereka mendapat hak-hak yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil Koperasi.<br><br>3.4 Pada masa yang sama Koperasi perlu meningkatkan keupayaan Sistem Pengurusan Koperasi iKOOP bagi membolehkan komunikasi dua hala dan aktiviti pembayaran dibuat secara online. |

| SKOP AUDIT | 4. PERNIAGAAN KOPERASI |
|---|---|
| **PENEMUAN** | 4.1 Peniagaan Koperasi Wanita Malaysia Berhad adalah menjalankan fungsi kredit dengan menggerakkan aktiviti yang telah termaktub dalam Undang Undang Kecil Koperasi iaitu; (i) jimat cermat dan pinjaman, (ii) Ar-Rahnita (iii) mikro kredit (iv) perkhidmatan jual beli emas, dan (v) perkhidmatan pembekalan.<br><br>4.2 Namun didapati setakat Mac 2023, semua aktiviti perniagaan ini masih belum dapat digerakkan sepenuhnya dan belum memberi sebarang pendapatan kepada Koperasi. |
| **ULASAN / SARANAN** | 4.3 ALK dan pihak pengurusan disaran untuk memberi fokus kepada prinsip ketiga Koperasi iaitu kekuatan Anggota Koperasi dalam menjalankan aktiviti perniagaannya (leveraging).<br><br>4.4 Satu Jawatankuasa khas yang mempunyai kepakaran kormesil perlu dilantik bagi membantu Koperasi lebih fokus dan bertambah mahir dalam melaksanakan aktiviti perniagaannya. Ia juga dilihat sebagai usaha untuk mengelakkan pertindihan tugas di kalangan ALK dan akan dapat meningkatkan penglibatan lebih ramai Anggota Koperasi. |

| SKOP AUDIT | 5. KEWANGAN |
|---|---|
| **PENEMUAN** | 5.1 Sumber pendapatan Koperasi didapati hanya bergantung kepada fi masuk dan saham Anggota yang telah dibayar. Pembayaran tersebut dibuat melalui system iKOOP secara online melalui gerbang pembayaran (payment gateway) dan secara tunai yang dikutip di peringkat awal penubuhan dan pelancaran Koperasi.<br><br>5.2 Rekod-rekod kewangan Koperasi di dapati telah direkod dan disimpan dengan baik oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Penjelasan dan keterangan yang diminta terhadap sesuatu butiran juga telah diberi dengan jelas.<br><br>5.3 Proses pengauditan Penyata Kewangan Koperasi yang dijalankan oleh Juruaudit Luar juga dilihat berjalan dengan lancar. |
| **ULASAN / SARANAN** | 5.4 Koperasi Wanita Malaysia Berhad perlu mengambil langkah segera bagi menguruskan kutipan Yuran Bulanan Koperasi sebanyak RM30 sebulan daripada Anggota Koperasi bagi membolehkan aktiviti mikrokredit digerakkan segera.<br><br>5.5 Selain itu, Koperasi perlu mendapatkan dana modal daripada sumber luar yang diyakini yang juga bersedia untuk bekerjasama dengan Koperasi Wanita Malaysia Berhad dalam jangkamasa panjang.<br><br>5.6 Adalah dikhuatiri sekiranya tiada dana baru yang diterima bagi menyokong aktiviti Koperasi, Koperasi Wanita Malaysia Berhad tidak akan menjadi sebuah koperasi yang berdaya saing dan mampan. |

### 3. PENUTUP / KESIMPULAN

Tertakluk kepada laporan, ulasan dan saranan yang dikemukakan di atas, Jawatankuasa Audit Dalaman berpendapat bahawa secara keseluruhannya pengurusan dan hal-ehwal Koperasi telah ditadbir dan dilaksanakan dengan cara dan kaedah yang sehabis baik berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan kemampuan Ahli Lembaga Koperasi dan pihak pengurusanselaras dengan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi Wanita Malaysia Berhad.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Wanita Malaysia Berhad ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memudahkan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab JAD sepanjang proses Pengauditan Dalaman yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**FATINTAFRINA BINTI MOHD TAREH**
KETUA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Disemak dan dipersetujui oleh:

**HARNANI BINTI MAT ZIN**
AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

**ROSHIDAH BINTI ABDUL A'ALA**
AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

# PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BERAKHIR TAHUN 2022

KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi - Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022

# KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi - Koperasi Tahun 1948
yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

Indeks


| Isi Kandungan | Mukasurat |
|---|---|
| Laporan Lembaga | 1 - 4 |
| Akuan Berkanun | 5 |
| Penyata Kewangan | |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 6 |
| Penyata Untung atau Rugi | 7 |
| Penyata Perubahan Ekuiti | 8 |
| Penyata Aliran Tunai | 9 |
| Nota-nota kepada Penyata Kewangan | 10 - 21 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 22 - 25 |

## LAPORAN LEMBAGA

Lembaga Koperasi Wanita Malaysia Berhad dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

## AKTIVITI UTAMA

Koperasi Wanita Malaysia Berhad ditubuhkan pada 4 Februari 2022 dengan tujuan memperjuang dan memperkasakan pembangunan keusahawanan wanita dan seterusnya aspirasi penubuhan bank Koperasi Wanita Malaysia Berhad. Koperasi juga terlibat di dalam aktiviti pembiayaan mikro kredit, Ar-Rahnita, perkhidmatan jual beli emas, perkhidmatan pembekalan kreatif dan program pembangunan usahawan tempatan dan antarabangsa.

Tidak terdapat apa-apa perubahan ketara dalam aktiviti pada tahun kewangan semasa.

## KEPUTUSAN

| | RM |
|---|---|
| Kerugian bagi tahun semasa | (36,126) |

Pada pendapat Lembaga, keputusan operasi bagi tempoh kewangan semasa adalah tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa.

## DIVIDEN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada dividen dalam tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## TERBITAN SYER DAN DEBENTUR

Sepanjang tahun semasa, Koperasi Wanita Malaysia Berhad telah menerbitkan 211 unit syer bernilai RM 100 setiap satu kepada individu -individu dan koperasi menurut Undang-Undang Kecil Koperasi Wanita Malaysia Berhad seperti yang dilaporkan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

Koperasi Wanita Malaysia Berhad tidak menerbitkan sebarang debentur pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

## LEMBAGA KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD

Anggota- anggota Lembaga yang berkhidmat sejak permulaan ditubuhkan dan pada tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini adalah:

Datuk Nazilah binti Hj. Idris
Dato' Hajah Faridah binti A. Jabbar
Dato' Normala binti Kahar
Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi
Datin Norzihan binti Ahmad

## MAKLUMAT - MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi, 1993 dan pindaan yang dibuat selepasnya, Lembaga telah mengambil langkah -langkah yang berpatutan bagi menentukan bahawa penyata kewangan koperasi melaporkan:

(i) kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang sewajarnya telah dibuat bagi hutang ragu;dan
(ii) memastikan nilai buku bagi asset semasa yang berkemungkinan tidak menunjukkan nilai sebenar berdasarkan urusniaga biasa, telah dibuat pengurangan nilai yang dijangkakan wajar.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan:

(i) yang boleh menyebabkan jumlah penhapuskiraan hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan koperasi dan tidak mencukupi sehingga jumlah yang ketara; atau

(ii) yang boleh menyebabkan nilai asset-aset semasa dalam koperasi mengelirukan; atau

MAKLUMAT - MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, Lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan (Samb):

(iii) yang timbul dan menyebabkan kaedah penilaian asset dan liabliti koperasi mengelirukan atau tidak sesuai; atau

(iv) selain daripada yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan ini, yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam akaun penyata kewangan koperasi mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran ke atas asset-aset koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjadi sandaran terhadap tanggungan pihak lain;atau

(ii) sebarang tanggungan luar jangka bagi koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan- tanggungan lain yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Lembaga, akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya kelak.

Lembaga berpendapat bahawa, tiada perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang telah terjadi di antara tarikh penyata kewangan dan tarikh laporan Lembaga yang mungkin akan memberi kesan secara ketara ke atas hasil operasi bagi tahun kewangan yang berikutnya.

JURUAUDIT

Juruaudit, Jeffrey Suffian telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik.

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut dia atas, tiada perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3), Akta Koperasi 1993.

Bagi pihak Lembaga
menurut resolusi Lembaga

DATUK NAZILAH BINTI HJ. IDRIS
Pengerusi

DATO' HAJAH FARIDAH BINTI A. JABBAR
Setiausaha

DAT j BINTI KAMAR
Bendahari

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 11 APR 2023

## AKUAN BERKANUN

Saya, DATO' NORMALA BINTI KAHAR, selaku Bendahari yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Koperasi, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Twlai beserta nota-nota didalamnya telah disediakan untuk menunjukkan gambaran sebenar dan saksama tentang Koperasi pada 31 Disember 2022 dan hasil pencapaian serta aliran tunai Koperasi bagi tahun kewangan berakhir tersebut dan mematuhi kehendak Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MPERS") dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh
penama di atas di

pada 11 APR 2023

DAT IKAHAR

Dihadapan saya



KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

| | Note | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 4 | 2,741 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | | 2,741 |
| ASET SEMASA | | |
| Tunai dan baki di bank | 5 | 29,783 |
| JUMLAH ASET SEMASA | | 29,783 |
| JUMLAH ASET | | 32,524 |
| DIBIAYAI OLEH: | | |
| Modal syer | 6 | 21,150 |
| Kerugian terkumpul | | (36,126) |
| JUMLAH EKUITI | | (14,976) |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Lain-lain pemiutang dan akruan | 7 | 47,500 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | | 47,500 |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | | 32,524 |

Nota - nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948 yang digantikan oleh Akta Koperasi 1993)

## PENYATA UNTUNG ATAU RUG!
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

| | Note | 22.2.2022-<br>31.12.2022<br>RM |
|---|---|---|
| Perolehan | 8 | 65,816 |
| Kos Jualan | 9 | (46,725) |
| Keuntungan kasar | | 19,091 |
| Lain -lain pendapatan operasi | | 396 |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (33,169) |
| Kos pengagihan dan pemasaran | | (21,676) |
| Lain -lain perbelanjaan operasi | | (768) |
| Kerugian daripada operasi | 10 | (36,126) |
| Belanja cukai | 11 | |
| Kerugian bagi tahun semasa | | (36,126) |

Nota -nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

| | Modal syer | Kerugian terkumpul | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Baki pada 22 Februari 2022 | | | |
| Kerugian bagi tahun semasa | | (36,126) | (36,126) |
| Syer diterbitkan | 21,150 | | 21,150 |
| Baki pada 31 Disember 2022 | 21,150 | (36,126) | (14,976) |

Nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022

| | 22.2.2022-<br>31.12.2022<br>RM |
|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | |
| Kerugian sebelum cukai | (36,126) |
| Pelarasan untuk: | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 768 |
| Kerugian Operasi Sebelum Perubahan Modal Ketja | (35,358) |
| Pengurangan / (Penambahan) dalam; | |
| Lain -lain pemiutang dan akruan | 47,500 |
| Tunai dihasilkan dalam operasi | 12,142 |
| Pembayaran cukai | |
| Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi | 12,142 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (3,509) |
| Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan | (3,509) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | |
| Penerbitan syer anggota | 21,150 |
| Tunai bersih dihasilkan untuk aktiviti pembiayaan | 21,150 |
| Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 29,783 |
| Tunai dan baki di bank: | |
| Twlai dan kesetaraan pada awal tahun | |
| Tunai dan kesetaraan pada akhir tahun | 29,783 |

Nota -nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

## 1. MAKLUMAT AM

Koperasi Wanita Malaysia Berhad ditubuhkan dengan tujuan memperjuang dan memperkasakan pembangunan keusahawanan wanita dan seterusnya aspirasi penubuhan bank Koperasi Wanita Malaysia Berhad. Koperasi juga terlibat di dalam aktiviti pembiayaan mikro kredit, Ar-Rahnita, perkhidmatan ju al beli emas, perkhidmatan pembekalan kreatif dan program pembangunan usahawan tempatan dan antarabangsa.

Pejabat berdaf tar perniagaan Koperasi terletak di Wisma MPM, 371-4, Jalan Ledang, Taman Duta, 50480 Kuala Lumpur.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Koperasi telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MPERS") diubahsuai menurut Garis Panduan Pelaporan Penya.ta Kewangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dibawah Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### a. Asas perakaunan

Penya.ta kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan diubahsuaikan untuk mengandungi penilaian semula ke atas beberapa harta, loji dan peralatan, hartanah pelaburan serta instrumen kewangan yang dinilai mengikut nilai saksama.

### b. Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah iaitu harga kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai, sekiranya ada. Kos termasuk perbelanjaan yang telibat secara langsung semasa pembelian hartanah, loji dan peralatan tersebut.

Kos selepas pembelian adalah termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktirafkan sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian. Sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada Koperasi dan kos-kos tersebut dapat diukur secara pasti. Semua perbelanjaan baikpulih dan penyelenggaraan dicajkan ke penyata untung atau rugi dalam tahun kewangan dimana penyelenggaraan terlibat.

Kesemua hartanah, loji dan peralatan yang lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran jangka hayat penggunaannya. Anggaran jangka hayat aset-aset adalah seperti berikut:

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

b. Hartanah, loji dan peralatan (samb)

| | |
|---|---|
| Pera.la.tan dan perkakas | 20% |

Nilai sisa dan jangka hayat aset dikaji, dan dinyatakan semula jika perlu, pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan.

Susutnilai untuk harta, loji dan peralatan terhenti pada awal pengiktirafan dan diklasifikasi sebagai aset-aset untuk dijual atau apabila aset telah dijual. Susutnilai bagi aset <la.lam pembinaan akan bermula apabila a.set tersebut sedia untuk digunakan bagi tujuan asal pembinaan.

Item hartanah dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan a.tau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka timbul daripada penggunaan berterusan a.set. Seba.rang untung a.tau rugi yang timbul daripada pelupusan ditentukan sebagai perbezaan di antara hasil jualan dan amaun dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

c. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

(a) Kumpulan mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;

(b) terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan

(c) jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Jika Koperasi menjangkakan peruntukan boleh dibayar semula, pembayaran semula diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran semula dapat dipastikan secara nyata. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa tanggungjawab yang serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar tunai akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan jenis tanggungjawab itu secara kesuluruhannya. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar mana- mana perkara yang termasuk dalam kelas kewajipan yang sama mungkin kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pa.saran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

d. Perolehan

Kontrak dengan pelanggan wujud apabila kontrak itu mempunyai bahan komersil, Koperasi dan pelanggan mereka telah meluluskan konh·ak dan berhasrat untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing, Koperasi dan hak pelanggan berkenaan barang a.tau perkhidmatan yang akan dipindahkan dan terma pembayaran boleh dikenal pasti, dan kemw lgkinan Koperasi akan melakukan pertimbangan yang berhak untuk menukar barang a.tau perkhidmatan tersebut.

Perolehan daripada kontrak dengan pelanggan diukur pada harga urus niaganya, iaitu jumlah pertimbangan yang mana Koperasi menjangkakan berhak sebagai pertukaran untuk memindahkan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi piliak ketiga seperti jualan dan cukai perkhidmatan atau barang dan cukai perkhidmatan. Sekiranya amaun pertimbangan bervariasi disebabkan oleh diskaun, rebat, penalti atau lain-lain perkara yang serupa, Koperasi menganggarkan jumlah pertimbangan yang dijangkakan berhak mengikut kaedah nilai yang dijangkakakn berhak mengikut kaedah nilai yang dijangkakan atau hasil yang paling mungkin tetapi anggaran dikekang sehingga jumlah yang kemungkinan besar tidak ada pembalikan signifikan pada masa hadapan.

Harga urusniaga diperuntukkan kepada setiap obligasi prestasi atas dasar harga jualan mandiri relative setiap kebaikan atau perkhidmatan yang dijanjikan dalam kontrak. Bergantung kepada sunstansi kontrak, pendapatan diiktiraf apabila kewajipan prestasi dipenuhi, yang mungkin pada suatu masa atau dari masa ke masa.

<u>Pengiktirafan perolehan</u>

Perolehan yuran bagi anggota baru akan diakrukan apabila anggota baru menjadi anggota. Perolehan ini diiktiraf apabila individu mendaf tar untuk menjadi anggota Koperasi.

Perolehan hasil jualan barangan dan perkhidmatan diiktiraf setelah barangan diterima oleh pelanggan, apabila risiko dan ganjaran kepada pemilikan barangan tersebut dipindahkan kepada pembeli.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

e. Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan faedah-faedah bukan wang diakru pada tahun kewangan dimana perkhidmatan itu diberikan oleh pekerja.

(ii) Pelan caruman wajib

Kumpulan membuat caruman ke pelan caruman yang ditetapkan di caj pada penyata untung atau rugi pada tempoh yang berkaitan. Koperasi tidak mempunyai kewajipan pembayaran lebih lanjut apabila caruman telah dibayar.

f. Cukai

Perbelanjaan cukai keatas keuntungan atau kerugian tahun semasa mengandungi cukai semasa dan juga cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh akhir tempoh pelaporan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap dimana berkemungkinan kew1tungan dicukai akan tersedia ada dimana perebezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai belum diguna dapat digunakan.

Cukai tertw1da dikira mengikut kadar cukai yang dijangka akan digunakan apabila aset diiktiraf atau apabila liabiliti diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah digubal atau hampir sepenuhnya diguba1 pada tarikh akhir pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf didalam penyata pendapatan, kecuali apabila timbul transaksi yang diiktiraf secara langsung daripada rizab, yang mana dalam keadaan ini, cukai tertunda akan diiktiraf secara terns daripada rizab.

Nilai pembawa aset cukai tertunda adalah disemak pada akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan pendapat bercukai yang cukup akan wujud untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset tersebut direalisasi.

Aset cukai tertunda diimbangkan apabila mempunyai hak yang dibenarkan untuk mengimbangkan aset cukai semasa oleh penguasa cukai yang sama dan Koperasi berhasrat untuk menyelesaikan aset cukai semasa semasa pada asas bersih.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

g. Penjejasan nilai untuk aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat tidak terhad tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji bagi menentukan penjejasan nilai setiap tahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa penjejasan nilai mungkin wujud. Harta, loji dan peralatan dan aset bukan semasa lain, teremasuk aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad, disemak semula bagi menentukan kerugian penjejasan nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak dapat dipulihkan.

Bagi tujuan penaksiran penjejasan nilai yang diiktiraf merupakan lebihan nilai bawaan aset tersebut berbanding dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos penjualan dan nilai guna sesebuah aset.

Bagi tujuan penaksiran penjejasan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah dimana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset selain daripada Muhibbah yang mengalami penjejasan nilai disemak semula bagi kemungkinan pernbalikan pada akhir tempoh pelaporan.

h. Instrumen kewangan

Aset kewangan

(i) Klasifikasi

Koperasi mengklasifikasikan aset kewangan rnereka dalam kategori pengukuran berikut:

- yang akan diukur kemudiannya pada nilai saksarna (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui keuntungan atau kerugian), dan
- yang akan diukur pada kos yang dilunaskan

Klasifikasi bergantung pada model pemiagaan entiti untuk menguruskan aset kewangan dan syarat kontrak aliran tunai.

Bagi aset yang diukur pada nilai saksama, keuntungan dan kerugian sama ada akan direkod dalam keuntungan atau kerugian atau pendapatan kornprehensif lain. Bagi pelaburan dalam instrurnen ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, Koperasi telah membuat pilihan tidak boleh dibatalkan pada masa pengiktirafan awal untuk mengakaunkan pelaburan ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

h. Instrumen kewangan (samb)

Aset Kewangan

(i) Klasifikasi (samb)

Koperasi mengklasifikasikan semula pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaan untuk mengurus aset tersebut berubah.

(ii) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Cara pembelian dan jualan aset secara tetap diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh Koperasi komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Koperasi telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(iii) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Koperasi mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan, tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang berkaitan secara langsung dengan aset kewangan melalui untung rugi diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

i. Liabiliti kewangan

Koperasi tiada sebarang liabiliti kewangan bukan derivatif yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Liabiliti kewangan pada kos terlunas termasuk pinjaman, pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang.

<u>Penyahiktirafan liabiliti kewangan</u>

Koperasi menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila, dan hanya apabila, obligasi Koperasi telah dilepaskan, dibatalkan, atau telah tamat. Perbezaan antara amaun dibawa bagi liabiliti kewangan yang diiktiraf di dalam untung atau rugi.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)

j. Instrumen hutang

Pengukuran instrumen hutang berikutnya bergantung kepada modal perniagaan Koperasi untuk mengurus aset dan ciri-ciri aliran tunai tersebut.

(i) Kos terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili pembayaran prinsipal dan faedah diukur pada kos yang dilunaskan. Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan pelaburan menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan.

Seba.rang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian dan dinyatakan dalam pendapatan/ (kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian penjejasan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

(ii) Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili semata mata pembayaran prinsipal dan faedah, diukur melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif. Pergerakan dalam kos yang dibawa ambil melalui pendapatan komprehensif, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian penjejasan nilai, pendapatan keuntungan dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Nilai Saksama melalui Keuntungan dan Kerugian

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos yang dilunaskan atau diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif. Koperasi juga boleh menetapkan aset kewangan nilai saksama melalui kewltungan dan kerugian secara tidak boleh ditarik balik jika melakukan dengan ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidaksesuaian yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan melalui nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam pendapatan/ (kerugian) lain dalam untung atau rugi yang berkenaan.

**3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB)**

**k. Instrumen Ekuiti**

Koperasi mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Koperasi memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan kompehensif lain, tiada pengkelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada untung atau rugi berikutan penyahiktirafan pelaburan. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diikt:iraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Koperasi untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

**1. Penyata aliran tunai**

Koperasi mengamalkan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai.

Tunai merangkumi baki bank dan wang tunai. Persamaan tunai setara termasuk pelaburan jangka pendek dan mempunyai kecairan yang tinggi, serta sedia ditukarkan kepada tunai dengan tiada perubahan nilai yang ketara ditolak dengan overdraf bank.

## 4. HARTANAH ,LOJI DAN PERALATAN

| | Perkakas RM | Peralatan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| 2022 | | | |
| Kos: | | | |
| Baki Pada 22 Februari 2022 | 3,000 | 509 | 3,509 |
| Tambahan | | | |
| Baki Pada 31 Disember 2022 | 3,000 | 509 | 3,509 |
| Pelunasan Terkumpul: | | | |
| Baki Pada 22 Februari 2022 | | | |
| Susut nilai hartanah,loji dan peralatan | 600 | 168 | 768 |
| Baki Pada 31 Disember 2022 | 600 | 168 | 768 |
| Nilai Buku Bersih | 2,400 | 341 | 2,741 |

## 5. TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | 2022 RM |
|---|---|
| Baki bank dan wang tunai | 29,783 |

## 6. MODAL SYER

| | 2022 RM |
|---|---|
| Baki pada 22 Februari 2022 | |
| Syer diterbitkan/ @RM 100 | 21,150 |
| Tambahan bilangan anggota | |
| | 21,150 |
| Syer ditebus/ | |
| Kurangan bilangan anggota | |
| | 21,150 |

Sepanjang tahun semasa, Koperasi Wanita Malaysia Berhad telah menerbitkan 211 unit syer bernilai RM 100 setiap satu kepada individu -individu dan koperasi menurut Undang-Undang Kecil Koperasi Wanita Malaysia.

| | 2022 RM |
|---|---|
| Jumlah pada 22 Februari 2022 | |
| Anggota Baru | 96 |
| Anggota berhenti | |
| Jumlah pada 31 Disember 2022 | 96 |

## 7. LAIN- LAIN PEMIUTANG DAN AKRUAN

| | 2022 RM |
|---|---|
| Akruan | 5,300 |
| Yuran Pendahuluan | 42,200 |
| | 47,500 |

## 8. PEROLEHAN

| | 22.2.2022-31.12.2022 RM |
|---|---|
| Penajaan | 10,200 |
| Syiling emas | 50,816 |
| Yuran permulaan | 4,800 |
| | 65,816 |

## 9. KOS JUALAN

Kos jualan berkaitan dengan perolehan adalah seperti berikut:

| | 22.2.2022 - 31.12.2022 RM |
|---|---|
| Syiling emas | 46,725 |
| | 46,725 |

## 10. KERUGIAN DARIPADA OPERASI

| | 22.2.2022-31.12.2022 RM |
|---|---|
| Kerugian daripada operasi diambilkira selepas dicajkan dengan : | |
| Ganjaran juru audit luar: | |
| Audit berkanun | 2,000 |
| Susuhlilai hartanah,loji dan peralatan | 768 |

## 11. BELANJA CUKAJ

Tiada peruntukan untuk percukaian telah dibuat untuk tahun kewangan Koperasi Wanita Malaysia Berhad kerana telah diberikan status pengecualian cukai di bawah Akta Cukai, 1967.

## 12. AKAUN PEMBAHAGIAN KERUGIAN

Akaun pembahagian kerugian, mengikut Seksyen 57 (5) Akta koperasi, 1993, adalah seperti berikut:

| | **22.2.2022-31.12.2022 RM** |
|---|---|
| Kerugian sebelum cukai dan zakat serta pembahagian berkanun | (36,126) |
| **Tolak: Pembahagian Berkanun** | |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori | |
| Baki kerugian selepas pembahagian berkanun | (36,126) |
| Zakat | |
| Cukai | |
| Baki kerugian selepas pembahagian berkanun, zakat dan cukai | (36,126) |
| **Tolak: Pembahagian Lain** | |
| Cadangan dividen | |
| Cadangan Honorarium | |
| Baki kerugian selepas pembahagian lain | (36,126) |
| Kerugian terkumpul pada awal tahun | |
| Kerugian terkumpul pada akhir tahun | (36,126) |

## 13. ANGKA - ANGKA PERBANDINGAN

Tiada angka perbandingan kerana ini adalah set pertama penyata kewangan Koperasi yang meliputi tempoh kewangan dari 22 Februari 2022 (tarikh didaftarkan) hingga 31 Disember 2022.

## 14. KEBENARAN PENYATA KEWANGAN UNTUK DITERBITKAN

Penyata kewangan Koperasi Wanita Malaysia Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga menurut resolusi para Lembaga pada 11 April 2023.

805, Level 8, Blok E
Phileo Damansara 1
Jalan 16/11, Off Jalan Damansara
46350 Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03 - 7954 4000
Email : info@jeffreyco.com.my

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**

Kepada Ahli-Ahli
**KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD**
(No. Pendaftaran: 202271601168)
(Didaftarkan di Malaysia)

**Laporan Audit Penyata Kewangan**

*Pendapat*

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan Koperasi Wanita Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2022 dan penyata untung atau rugi, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dan nota-nota kepada Penyata Kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di halaman 6 sehingga 21.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kelab pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

*Asns bagi pendnpat*

Kami menjalankan audit dengan menurut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggw1gjawab kami mengikut piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tnnggungjnwnb Jurunudit terhndnp Penynta Kewnngan.* Kami percaya bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menjadikan asas bagi pendapat audit kami.

*Kebebnsan dnn Tnnggungjmvnb Etikn Yang Lnin*

Kami adalah bebas dari Koperasi berdasarkan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Tindakan dan Amalan) oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Untuk Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggID1gjawab etika yang lain berdasarkan Undang Undang Kecil dan Kod IESBA.

*Halaman seterusnya*

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Ahli-Ahli
KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
(No. Pendaf taran: 202271601168)
(Didaf tarkan di Malaysia)

Laporan Audit Penyata Kewangan (samb.)

*Mnklumat selain dnripadn Penya ta Kewangan dan Lnporan ]urunudit*

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas maklumat yang lain. Maklurnat yang lain terdiri daripada Laporan Anggota Lembaga tetapi tidak termasuk Penyata Kewangan Koperasi dan Laporan Juruaudit Bebas.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi Laporan Anggota Lembaga dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan mengenainya .

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Koperasi, kami bertanggungjawab untuk membaca Laporan Anggota Lembaga dan mempertimbangkan sama ada Laporan tersebut tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan kami yang diperoleh semasa pengauditan atau sebaliknya tersalah nyata secara material.

*Tnnggungjawab Lembaga ke atas Penyatn Kewangan*

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan ini bagi membolehkan ianya memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Akta Koperasi, 1993 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang diubahsuai menurut Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993 di Malaysia ("Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi"). Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Di dalam proses penyediaan Penyata Kewangan Koperasi, Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan usaha berterusaan Koperasi, membuat pendedahan, jika perlu, perkara-perkara berkenaan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau untuk menutup operasi, atau tiada alternatif realistik selain dari berbuat demikian.

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak Penyata Kewangan Koperasi ini, secara keseluruhan, adalah bebas dari salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan, dan menyediakan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasaba11 bererti keyakinan yang tinggi, tetapi ianya tidak memberi jaminan bahawa pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian ISA akan sentiasa mengesan salah nyata yang material yang ada. Salah nyata boleh berlaku disebabkan oleh penipuan dan kesalahan dan dikira material jika, secara individu atau secara agregat, ianya memw1gkinkan

kewangan ini.

untuk mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata

*Hnlnmnn seterusnyn*

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Ahli-Ahli
KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
(No. Pendaftaran: 202271601168)
(Didaftarkan di Malaysia)

Laporan Audit Penyata Kewangan (samb.)

*Tnnggungjnwnb furu nudit dnlnm Pengnuditnn Penyatn Kewnngnn (snmb.)*

Sebagai sebahagian daripada pengauditan yang telah dilaksanakan mengikut piawaian ISA, kami mengamalkan pertimbangan secara professional dan mengekalkan keraguan professional di sepanjang tempoh pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko-risiko salah nyata yang material pada penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalallan, merangka dan melaksanakan prosedur audit sebagai tindak-balas terhadap risiko-risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian sebagai asas pendapat audit kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesalahan, sebagaimana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, penipuan secara sengaja, perwakilan yang salah satu melebihi kuasa kawasan dalaman.

- Mendapatkan pemahaman terhadap kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.

- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Koperasi.

- Merumus kesesuaian asas perakaunan usalla yang berterusan yang diguna pakai oleh Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang memungkinkan keraguan yang ketara tentang kernarnpuan Koperasi sebagai entiti usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahwa ketidakpastian yang nyata telah wujud, kami perlu merujuk di dalam laporan juru audit kepada pendedahan pendedallan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika pendedahan-pendedahan itu tidak memadai, karni akan mengubah-suai pendapat karni. Pendapat karni adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juru audit kami. Walaubagaimanapun, kejadian-kejadian atau keadaan keadaan yang berlaku pada masa hadapan kemungkinan Koperasi untuk tidak lagi menjadi entiti usaha berterusan.

- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Koperasi melaporkan asas-asas transaksi-transaksi dan peristiwa peristiwa agar ianya memberi pembentangan yang saksama.

*Hnlnmnn setentsnyn*

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Ahli-Ahli
KOPERASI WANITA MALAYSIA BERHAD
(No. Pendaftaran: 202271601168)
(Didaftarkan di Malaysia)

Laporan Audit Penyata Kewangan (samb.)

*Tanggungjawnb Jurunudit dalnm Pengnuditnn Penyntn Kewnngnn (snmb.)*

- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti perniagaan entiti atau dalam Koperasi untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi. Kami bertanggungjawab terhadap arahan, penyeliaan dan perlaksanaan audit Koperasi. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya bagi pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga Koperasi, diantaranya, skop yang telah dirancang dan tempoh audit dan penemuan audit yang ketara, termasuk sebarang kelemahan dan tempoh audit dan penemuan audit yang ketara, termasuk sebarang kelemahan ketara kawalan dalaman yang kami temui sepanjang tempoh pengauditan.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini dibuat hanya kepada anggota-anggota Koperasi sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 63, Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.



JEFFREY SUFFIAN
No. AF1599
Akauntan-akauntan Bertauliah



JEFFREY BIN BOSRA
No. 2595/07/ 23 (J)
Akauntan Bertauliah

Selangor, Malaysia
Tarikh: 11 April 2023



A Member Finn of
The Malaysian nstitute of Accountants

# BELANJAWAN 2023

## MEMBENTANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2023

| PERKARA | BAJET 2023 | ANGGARAN BAJET 2024 |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | 1,322 | 1,500 |
| ***A) PENDAFTARAN AHLI*** | 65,000 | 13,000 |
| 1. FI MASUK (RM50) | 475,920 | 1,015,920 |
| 2. SAHAM (RM100) | | |
| 3. YURAN (30) | | |
| | | |
| ***B) AKTIVITI PERNIAGAAN*** | 237,960 | 507,960 |
| *B1) JUAL BELI EMAS (GRAB GOLD)* | 0 | 0 |
| i) DGSA (3% X RM1K) | 132,200 | 282,200 |
| ii) DGCA | 185,080 | 395,080 |
| iii) DGAE 5X (10% X RM1K) | | |
| iv) DGAE 10X (14% X RM1K) | | |
| | | |
| *B2) PINJAMAN PERIBADI (KAKLONG4U)* | 50,000 | 100,000 |
| i) PELABUR | 250,000 | 500,000 |
| ii) PINJAMAN KOPSYA | 250,000 | 500,000 |
| iii) PINJAMAN | | |
| | | |
| *B3) PEMBEKALAN (e-PEROLEHAN)* | 50,000 | 100,000 |
| i) PELABUR | | |
| | | |
| *B4) AR RAHNU (AR RAHNITA)* | 50,000 | 100,000 |
| i) PELABUR | 250,000 | 500,000 |
| ii) PINJAMAN KOPSYA | | |
| | | |
| *B5) PEMBANGUNAN USAHAWAN* | 25,000 | 50,000 |
| i) KURSUS | | |
| ***JUMLAH PENDAPATAN*** | **2,022,482** | **4,065,660** |
| **PERBELANJAAN** | 274,500 | 558,000 |
| | | |
| 1) ELAUN ALK & JAD | | |
| 2) GAJI | 498,000 | 546,000 |
| 3) KWSP | 52,560 | 57,816 |
| 4) SOCSO / INSURAN | 48,000 | 52,800 |
| 5) PERUBATAN | 12,000 | 13,200 |
| 6) SEWA PEJABAT | 30,000 | 30,000 |
| 7) ALAT TULIS | 6,000 | 6,500 |
| 8) LATIHAN | 6,000 | 6,500 |
| 9) PEMASARAN | 72,000 | 72,000 |
| 10) PETTY CASH | 12,000 | 12,000 |
| 11) MAT ( ELAUN + KOS) | 198,300 | 226,322 |
| | | |
| ***JUMLAH PERBELANJAAN*** | **1,209,360** | **1,581,138** |
| | | |
| **UNTUNG/RUGI** | **813,122** | **2,484,522** |
| | | |

# SENARAI ANGGOTA YANG LAYAK KE MESYUARAT AGONG TAHUNAN (MAT) KALI PERTAMA

Kelayakan sebagai anggota dan menghadiri MAT

(Senarai sebelum 10hb Jun 2023):

1) Bayar Fi Masuk RM50

2) Bayar Saham RM100

| BIL | NO. ANGGOTA | NAMA ANGGOTA |
|---|---|---|
| 1 | 1 | NORLAILI BINTI ALIAS |
| 2 | 2 | NAZILAH BT IDRIS |
| 3 | 3 | FARIDAH BINTI A. JABBAR |
| 4 | 4 | DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI |
| 5 | 5 | DATO' NORMALA KAHAR |
| 6 | 6 | DATIN NORZIHAN AHMAD |
| 7 | 7 | NORHASIMAH BINTI MUHAMAD |
| 8 | 11 | WAN SALMIZA BINTI WAN SALIM |
| 9 | 14 | AINA BINTI ZAHIRIN |
| 10 | 15 | NORHANA BINTI MAJID |
| 11 | 19 | NUR ASHIKIN BINTI GANDAH |
| 12 | 31 | AINNURA AERINA |
| 13 | 32 | IOLLANY BEATTY |
| 14 | 33 | NORAZIHAN BINTI ALIAS |
| 15 | 35 | JUNAIDAH ISHAK |
| 16 | 41 | RAHIMAH BINTI ASRAH |
| 17 | 45 | NOR ALIZAR BINTI AHMAD JAIS |
| 18 | 53 | ALFIEYA-HANUUM BINTI KAMAL RIDZWAN |
| 19 | 61 | MAIYIZAT UL NAJWA AB MUTALIB |
| 20 | 64 | NORHAIZAN BT HJ HASHIM |
| 21 | 65 | NUR EFFA ZAYANI BINTI SAARI |
| 22 | 67 | ANIS FALINA JUMAIDI |
| 23 | 70 | MARMIZA BINTI CHE OMAR |
| 24 | 78 | ABBHY A/P KUPPUSAMY |
| 25 | 83 | NORAZLINA BINTI AHMAD |
| 26 | 87 | NOR AISHAH RAHIM |
| 27 | 99 | NORASIKIN BINTI ZAKARIA |
| 28 | 94 | ZAITON BT ISMAIL |
| 29 | 110 | WAN NORAISHAH BINTI WAN HASSAN |
| 30 | 111 | ZALINA BINTI ZAKARIA |
| 31 | 113 | ROKIAH BINTI ABU BAKAR |
| 32 | 115 | MAZILAH BINTI NAWI |
| 33 | 116 | FARAH ADURA BINTI HAMIDI |

| | | |
|---|---|---|
| 34 | 118 | NOOR BAINI BINTI MASRI |
| 35 | 122 | ROSA AYAH BINTI OMAR |
| 36 | 132 | AHMALIAH BINTI KHAIRAN |
| 37 | 135 | NORLI BINTI CHE ABDULLAH @ GHAZALI |
| 38 | 147 | NORIZAH BINTI O.A. MOHAMED IBRAHIM |
| 39 | 149 | SHARIFAH KADNARIAH BINTI SYED AHMAD |
| 40 | 162 | SITI FATIMAH ISMAIL |
| 41 | 187 | AISHAH BINTI MOHAMMAD |
| 42 | 188 | MARIA BINTI ABDULLAH |
| 43 | 194 | ZAITON MOHD NUSI |
| 44 | 212 | NORA AZIATUN MOHD NOOR |
| 45 | 241 | DATO AZIZAH BINTI MAT HASSAN |
| 46 | 265 | FAIZAH BINTI MOHD SUPAIT |
| 47 | 271 | ROSHIDAH BINTI ABDUL AALA |
| 48 | 283 | SARIMAH BT ARSHAD |
| 49 | 290 | KHAINI BT OMAR |
| 50 | 297 | DATIN NORAINI BINTI BABA |
| 51 | 309 | SITI RUSYIDAH YAHYA |
| 52 | 328 | FAUZIAH BINTI HASSAN |
| 53 | 331 | AZIZAH BINTI ABDUL MANAP |
| 54 | 337 | JAMILAH BINTI DIN |
| 55 | 353 | IDA IZATY BINTI RABO |
| 56 | 356 | HALIMAH BT ABD KADIR |
| 57 | 359 | MONA BINTI MOHAMED ANNUAR |
| 58 | 360 | SUZANA BINTI MUHAMAD SAID |
| 59 | 361 | LIM YOKE LIAN |
| 60 | 362 | NUR SYAHIRA BINTI NOR AZARUDDIN HUSNI |
| 61 | 366 | RANITA BINTI AJIS |
| 62 | 374 | SALINA BT AB MANAN |
| 63 | 375 | ROHAILIZA AB HAMIT |
| 64 | 377 | AZLINDA BINTI ABAS |
| 65 | 402 | CHE MASLINA BINTI USOP |
| 66 | 406 | NORAINI BINTI JAAFAR |
| 67 | 413 | ZAINAH BT OTHMAN |

| | | |
|---|---|---|
| 68 | 425 | HALIMATUN BINTI OMAR |
| 69 | 439 | MARDHIAH BINTI YUNOS |
| 70 | 450 | MISLINDA BINTI MARZUKI |
| 71 | 462 | HABIBAH A MANAP |
| 72 | 475 | NOR ZARINA WATI BINTI KAMIS |
| 73 | 489 | WAHEDA BT MOHD YUSOF |
| 74 | 490 | SITI NORKASMAH BT KASSIM |
| 75 | 500 | NOOR SYALILY BINTI SAJAD |
| 76 | 502 | ROZI BINTI YUSOF |
| 77 | 507 | SITI KHADIJAH BINTI DAUD |
| 78 | 524 | DORA AHMAD |
| 79 | 530 | JULIANA BINTI SAID |
| 80 | 555 | SITI ROSMAH BINTI ABDULLAH SANI |
| 81 | 557 | SITY AFNAN DAWI |
| 82 | 558 | JALILAH ABD GHANI |
| 83 | 569 | NOR ANISAH BINTI MOHD SHAFIE |
| 84 | 586 | SHAIFAH KHAFIDZAH BINTI KAMAL |
| 85 | 613 | NOORAIN BINTI AHMAD |
| 86 | 668 | SITI AFIZAH BINTI SAADON |
| 87 | 680 | SITI JELITA BINTI YAIT |
| 88 | 686 | CHAI SOK WUI |
| 89 | 687 | MAIMUM SHARIFFAH BINTI MYDIN |
| 90 | 689 | NORAINI BINTI ARIF |
| 91 | 692 | AISHAH BINTI AHMAD SAID |
| 92 | 695 | NORSHAIMAH BINTI YUSOFF |
| 93 | 696 | SHINORZEELA NASHRIBY BINTI SHARUDIN |
| 94 | 698 | TUAN NOR ASHIKEEN BT TUAN MOHD YUSOFF |
| 95 | 890 | DARISAH BINTI CHE MOHD GHAZALI |
| 96 | 891 | NORLILA BINTI SAID |
| 97 | 892 | AMARUSZATI BINTI NOOR RAHIM |
| 98 | 894 | JUWITA BINTI ABDUL AZIZ |
| 99 | 895 | RITI BINTI MONDONG |
| 100 | 900 | NORAINI BINTI ABU TALIB |
| 101 | 938 | LEW IVY |

| | | |
|---|---|---|
| 102 | 940 | NUR FADZRINY MOHAMED FDZILL |
| 103 | 941 | ZARINA RAZALI |
| 104 | 942 | FATINTAFRINA MOHD TAREH |
| 105 | 945 | HARNANI MAT ZIN |
| 106 | 947 | ANIS KHAIRUNNISA BINTI KHAIRUDIN SADRI |
| 107 | 948 | NURSUZITA BINTI OTHMAN |
| 108 | 949 | YUZLIN BINTI HASHIM |
| 109 | 950 | NUR ELLEISYA SHEFIA SARZILI |
| 110 | 952 | SYAFIQA |
| 111 | 953 | KANEGEGESWARI A/P MOORTHY |
| 112 | 956 | NURAMIZA AMIRRUDIN |
| 113 | 958 | SITI BADARIAH OSMAN |
| 114 | 959 | SALMIE BINTI AHMAD |
| 115 | 961 | ERNA ANITA BINTI ABDUL RALIM |
| 116 | 963 | HAYATI BINTI LAHAM |
| 117 | 964 | LATIFAH BINTI MOHD GHAZALI |
| 118 | 965 | NURKHAIRULBAHRIAH BINTI MOHD TAHIR |
| 119 | 966 | SUHANA BINTI MAT SALLEH |
| 120 | 967 | SITI NUR SYAHIRAH BINTI MAHMOD |
| 121 | 968 | SALMAH BINTI ISHAK |
| 122 | 969 | PUTRI YUNALIS BINTI MD YUNOS |
| 123 | 970 | NOR HANIZA BINTI JOHAR |
| 124 | 971 | LILI FARINA BINTI ABDULLAH |
| 125 | 972 | SALMIAH BINTI MOHAMAD |
| 126 | 973 | HALIJAH BINTI TAIB |
| 127 | 974 | IRENE LIM YEOK HONG |
| 128 | 975 | SOO HOO SIEW KHENG |
| 129 | 976 | ROSNAH ISMAIL |
| 130 | 977 | NUR HUSNA FIKHRIYAH BINTI MOHD HATTA |
| 131 | 978 | PATIMAH BINTI SULAI |
| 132 | 979 | NORMAH BINTI ALI |
| 133 | 980 | NOORIZAN BINTI ABD LATIF |
| 134 | 981 | MOKHRAZINIM MOKHTAR |
| 135 | 982 | MARIAM BINTI YUSUF ABDULLAH @ TERESA DONOUGH |

| | | |
|---|---|---|
| 136 | 983 | RABIATULADAWIYAH BINTI MD JAPILUS |
| 137 | 984 | NURUL HAFIZAH BINTI ABDULLAH |
| 138 | 985 | MARIA ULFAH BINTI MOKHTAR |
| 139 | 986 | IZAYATI  BT MUSTAFFA |